

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8283

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan kes pergaduhan di Plaza Low Yat, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 12 Julai 2015 yang berjaya diselesaikan, ditangkap, didakwa dan dijatuhkan hukuman serta langkah yang diperkenalkan untuk mengelak kejadian seumpama itu berulang lagi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua

PDRM telah membuka tiga (3) kertas siasatan terhadap kes pergaduhan yang berlaku di Plaza Low Yat, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 12 Julai 2015. Kertas-kertas siasatan yang dibuka adalah seperti berikut:-

- 1) Berkait TH repot 23347/15 dan disiasat di bawah seksyen 380 Kanun Keseksaan, seorang individu telah ditangkap dan telah dituduh di mahkamah dan ditetapkan untuk perbicaraan pada 30 November sehingga 1 Disember 2015.**
- 2) Berkait TH repot 23377/15 dan disiasat di bawah seksyen 147/ 427 Kanun Keseksaan, seramai 5 orang individu telah ditangkap dan masih dalam siasatan.**
- 3) Berkait TH repot 23441/15 disiasat di bawah seksyen 147 Kanun Keseksaan, 4 orang individu telah ditangkap dan telah dituduh di mahkamah pada 10 Ogos 2015 di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan. Tiga orang tertuduh telah didenda RM1,800 setiap (Denda dibayar) dan seorang lagi tertuduh telah dibebaskan.**

Bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berulang lagi, pihak PDRM telah mengaturkan anggota bagi membuat pemantauan

serta kawalan keselamatan di kawasan tersebut dan menasihatkan orang ramai tidak mempercayai atau terpengaruh dengan khabar angin yang disebarkan terutama di media sosial.